



Buku Modul Hubungan Etnik ini ditulis khusus bagi rujukan para pelajar Universiti Malaysia Pahang. Ia ditulis dengan gaya dan persembahan yang mudah dipelajari dan dihayati. Hal ini sangat bertepatan kerana penawaran kursus Hubungan Etnik berlandaskan kepada perkara-perkara berikut iaitu, Agenda kebangsaan dalam memupuk dan menggalakkan integrasi nasional semua kaum dan etnik. Menghapus dan membasmi syak wasangka dalam kalangan generasi muda Malaysia. Mengukuhkan lagi ikatan dan memperkasa kelaziman serta nilai yang dikongsi antara kaum. Mengelakkan salah tafsir yang wujud akibat relativiti dan subjektiviti aspek-aspek budaya pelbagai kaum di Malaysia. Melazimkan, menerima dan menghargai perbezaan serta menjadikannya suatu kelebihan. Memupuk semangat Malaysia berdasarkan Perlembagaan Malaysia, unsur-unsur tradisional dalam Kontrak Sosial, 1Malaysia, dasar-dasar negara Malaysia, sukan, seni, aktiviti keagamaan dan kebudayaan. Menyedia dan memperlengkapkan pelajar dengan kemahiran dan keterampilan global bagi membolehkan mereka menyesuaikan diri dalam pelbagai keadaan, dalaman dan luar negara.

MODUL HUBUNGAN ETNIK

MODUL HUBUNGAN ETNIK



Hasmadi Hassan
Hasnah Hussiin
Jamal Rizal Razali
Rohana Hamzah
Munira Abdul Razak
Husna Hashim
Mohamad Azam Muhd Akhir



ISBN 978-967-2054-52-8



9 789672 054528

PENERBIT
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

KEGUNAAN
DALAMAN

MODUL

HUBUNGAN

ETNIK

MODUL
HUBUNGAN

ETNIK

UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

Penerbit
Universiti Malaysia Pahang
Kuantan
2017

Hakcipta ©Universiti Malaysia Pahang, 2017

Cetakan Pertama, 2017

Hakcipta adalah terpelihara.

Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanikal, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa mendapat izin daripada Penerbit Universiti

Malaysia Pahang, Lebuhraya Tun Razak,
26300 Gambang, Kuantan, Pahang Darul Makmur.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-penerbitan

Hasmadi Hassan, Dr.

MODUL HUBUNGAN ETNIK / Penulis Dr. Hasmadi Bin Hassan, Dr. Hasnah Binti Hussiin, Dr. Jamal Rizal Bin Razali, Dr. Rohana Binti Hamzah, Dr. Munirah Binti Abdul Razak, Cik Husna Binti Hashim, Kapten Mohamad Azam Bin Muhd Akhir ; Editor Dr. Hasnah Binti Hussin, Dr. Jamal Rizal Bin Razali.

ISBN 978-967-2054-52-8

1. Ethnic relations. 2. Malaysia--Ethnic relations. 3. Malaysia--Race relations. 4. Malaysia--Politics and government. I. Hasnah Hussiin, 1972-. II. Jamal Rizal Razali, Dr. III. Rohana Hamzah, Dr. IV. Munirah Abdul Razak, Dr. V. Husna Hashim. IV. Mohamad Azam Muhd. Akhir, Kapten. VII. Judul
305.8009595

Diterbitkan Oleh:

Penerbit

Universiti Malaysia Pahang
Lebuhraya Tun Razak, 26300 Gambang
Kuantan, Pahang Darul Makmur
Tel: 09-549 3273 Faks: 09-549 3281

Urus Cetak:

Percetakan Muafakat Jaya Sdn. Bhd (105038-M)
6, Jalan Perdagangan 16, Taman Universiti Industrial Park,
81300, Skudai Johor.
Tel: 07-520 6740 Faks: 07-520 6741

KATA PENGANTAR

Allah berfirman dalam Surah al-Hujuraat ayat 13 yang maksudnya, “Wahai manusia, Sesungguhnya Kami menciptakan kamu dari seorang laki-laki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa – bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal-mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah ialah orang yang paling taqwa di antara kamu. Sesungguhnya Allah Maha mengetahui lagi Maha Mengenal.”

Natijah daripada ayat tersebut ialah, manusia yang hidup di dunia ini terdiri daripada pelbagai latar belakang etnik dan etnisiti. Kepelbagaian ini adalah ciptaan-Nya supaya semua manusia itu saling berkenal-kenal dan berhubung antara satu sama lain. Walau bagaimanapun, kepelbagaian tersebut sering dijadikan oleh manusia untuk mewujudkan garisan atau sempadan antara mereka dengan menggunakan factor-faktor biologi, fisiologi, ideologi, ekonomi, pendidikan dan sebagainya sebagai garis sempadan. Hal ini sebenarnya menyemai rasa tidak puashati, cemburu, dengki dan sebagainya sehingga mendorong kepada tindakan dan perlakuan yang tidak sepatutnya berlaku. Kemuncak kepada amalan tersebut ialah pembunuhan atau pembantaian etnik seperti yang berlaku dewasa ini di beberapa tempat di seluruh dunia.

Hal ini juga pernah disuarakan oleh Allahyarham Tun Huessein Onn empat puluh tahun lampau apabila beliau menyebut bahawa di negara kita ini, terdapat 3 C yang perlu sentiasa diawasi supaya tidak menjadi duri dalam daging. “C” yang pertama ialah “*Communism*”, “C” yang kedua ialah “*Corruptions*” dan “C” yang ketiga ialah “*Communal*”. Bagi “C” yang pertama, kita telah berjaya melumpuhkannya melalui Perjanjian Damai Hatyai pada 2 Disember 1989. Manakala bagi “C” yang kedua pula, urusan berterusan dan semakin meningkat sentiasa berjalan dengan tekak.

Bagi “C” yang ketiga pula, hal ini sentiasa ada pasang surutnya. Sepanjang sejarah negara kita, terdapat banyak pengalaman baik dan buruk ini yang telah kita lalui. Akibatnya sangat besar sehingga mampu mencorakkan manusia, pemikiran, tindakan serta sejarah. Kita sama sekali tidak perlu mengulangi dan melalui lagi sebuah kehancuran kerana kos yang perlu dibayar adalah sangat besar dan membebankan. Namun demikian, kita masih beruntung kerana mempunyai pemimpin daripada pelbagai kaum yang berjiwa besar dan lapang dada menerima serta menghargai kepelbagaian sehingga dapat membendung kerencaman yang rumitkan. Kita juga sangat bernasib baik kerana masih berupaya bangkit dan berjuang semula bagi memastikan masa depan negara kita ini lebih baik. Dalam hal ini, kepelbagaian ini perlu dilihat sebagai pisau bermata dua yang membawa nuansa positif dan negative pada satu-satu masa. Kebijaksanaan mengurusnya akan menentukan sama ada kita mendapat kebaikan atau keburukan. Oleh yang demikian, mengurus kepelbagaian yang rumit seperti ini memerlukan kemahiran dan ketrampilan khusus yang perlu dipelajari.

Selain itu, inspirasi yang mendorong kemunculan modul ini ialah hasrat Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia yang menginginkan generasi masa depan Malaysia ini muncul sebagai generasi yang mempunyai akar jati diri yang kukuh namun pada masa yang sama berketrampilan memainkan peranan di persada dunia. Hal ini sangat bertepatan kerana penawaran kursus Hubungan Etnik berlandaskan kepada perkara-perkara berikut iaitu:

- a. Agenda kebangsaan dalam memupuk dan menggalakkan integrasi nasional semua kaum dan etnik

- b. Menghapus dan membasmi syak wasangka dalam kalangan generasi muda Malaysia
- c. Mengukuhkan lagi ikatan dan memperkasa kelaziman serta nilai yang dikongsi antara kaum
- d. Mengelakkan salah tafsir yang wujud akibat relativiti dan subjektiviti aspek-aspek budaya pelbagai kaum di Malaysia
- e. Melazimkan, menerima dan menghargai perbezaan serta menjadikannya suatu kelebihan
- f. Memupuk semangat Malaysia berdasarkan Perlembagaan Malaysia, unsur-unsur tradisional dalam Kontrak Sosial, 1Malaysia, dasar-dasar negara Malaysia, sukan, seni, aktiviti keagamaan dan kebudayaan
- g. Menyedia dan memperlengkapkan pelajar dengan kemahiran dan keterampilan global bagi membolehkan mereka menyesuaikan diri dalam pelbagai keadaan, dalaman dan luar negara

Oleh yang demikian, kami para pensyarah kursus Hubungan Etnik merasakan bahawa wujud satu kemestian untuk menghasilkan sebuah modul yang mesra pembaca untuk dijadikan sebagai pelantar kepada para pelajar memahami dan menghayati hasrat ini. Hal ini sangat penting kerana mereka inilah yang akan menjadi “operator” dan juga pemain di negara kita pada masa depan. Sekiranya mereka mendapat maklumat dan kemahiran yang tidak tepat, itulah yang akan mereka praktikkan. Melalui modul ini, mereka akan didedahkan dengan perkara-perkara kunci yang mendasari sejarah hubungan etnik di Malaysia. Pengembaraan mereka akan bermula dengan model hubungan etnik zaman Kesultanan Melayu Melaka, zaman penjajahan, penindasan komunis, menuju kemerdekaan, pasca merdeka, awal 60-an, sehinggalah ke hari ini. Modul ini juga dipersembahkan dengan bahasa yang mudah tetapi tepat, dan menggunakan kaedah teknikal iaitu menggunakan peta minda, garis masa, gambar rajah, carta alir dan sebagainya.

Mudah-mudahan, usaha kecil ini dapat memberi impak kepada para pelajar ini terutamanya daripada segi mencetuskan kesedaran dan rasa ingin tahu terhadap kepelbagaian yang ada di sekelilingnya yang akhirnya akan menerbitkan keinginan untuk bersatu padu dan sederap melangkah membawa nama Malaysia, di dalam mahupun di luar negara.

Editor

Dr. Hasnah Binti Hussiin
Dr. Jamal Rizal Bin Razali

Penulis

Dr. Hasmadi Bin Hassan
Dr. Hasnah Binti Hussiin
Dr. Jamal Rizal Bin Razali
Dr. Rohana Binti Hamzah
Dr. Munira Binti Abdul Razak
Cik Husna Binti Hashim
Kapten Mohamad Azam Bin Muhd Akhir

UMP
Kuala Pahang.
Februari 2017.

KANDUNGAN

Bab	Kandungan	Halaman
BAB 1:	MALAYSIA: MENGENALI NEGARA DAN BANGSA MALAYSIA	1
BAB 2:	MEMAHAMI MASYARAKAT MALAYSIA: KONSEP KONSEP PENTING DALAM HUBUNGAN ETNIK	13
BAB 3:	MASYARAKAT MAJMUK DAN KEPELBAGAIAN DI MALAYSIA	23
BAB 4:	PEMBANGUNAN EKONOMI DAN HUBUNGAN ETNIK	37
BAB 5:	KERJASAMA POLITIK DAN KESEPADUAN SOSIAL DI MALAYSIA	53
BAB 6:	PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN PENGIKAT PERPADUAN NASIONAL	61
BAB 7:	AGAMA DAN KEPERCAYAAN DI MALAYSIA	77
BAB 8:	SEGREGASI KE INTEGRASI: REALITI DI MALAYSIA	97
BAB 9:	PENDIDIKAN KEARAH PEMERKASAAN KESEPADUAN SOSIAL	109
	RUJUKAN	125

